



170. Sebut Harga

Bekalan Bernilai Tidak Melebihi **RM500,000**

170.1 Pembelian setiap jenis item yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan atau sesuatu kontrak melebihi RM50,000 tetapi tidak melebihi **RM500,000** hendaklah dibuat dengan mempelawa sebut harga di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) **pembuat/pembekal tempatan** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang yang berkenaan dengan menggunakan borang di Lampiran Q tertakluk kepada syarat berikut:

- (i) Bagi pembelian setiap jenis item yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM100,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan **pembuat/pembekal tempatan** bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan **dalam kod bidang yang berkaitan**; dan
- (ii) Bagi pembelian setiap jenis item yang bernilai melebihi RM100,000 hingga **RM500,000** hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan **pembuat/pembekal tempatan** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan **dalam kod bidang berkaitan**.

Kementerian/Jabatan adalah dilarang memecah kecilkan nilai bekalan bagi mengelakkan pelawaan sebut harga.

Pelantikan Dan Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga

170.3(a) Keputusan mengenai sebut harga hendaklah dibuat oleh satu Jawatankuasa yang dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dengan keahlian sekurang-kurangnya tiga (3) orang. Jawatankuasa itu hendaklah bersidang dan dipengerusikan oleh Pemegang Waran Peruntukan, sebagaimana yang ditakrif oleh Arahan Perbendaharaan 94 atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Pegawai Pengawal bagi Kementerian/Jabatan Persekutuan atau Pegawai Kewangan Negeri yang mana berkenaan. Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah menerima tawaran yang paling baik dari segi harga dan kualiti mengikut keperluan Kementerian/Jabatan dan spesifikasi sebut harga. Jika tawaran yang



PINDAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN



terendah tidak disetuju terima, sebab-sebab penolakan tawaran hendaklah dinyatakan dalam keputusan sebut harga.

- 170.3(b) Jawatankuasa Sebut Harga hanya boleh mempertimbang dan menyetuju terima sebut harga dengan syarat keputusan yang dibuat adalah sebulat suara dan tidak melebihi had nilai sebut harga. Keputusan yang tidak sebulat suara dan/atau melebihi had nilai sebut suara hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Perolehan Agensi untuk keputusan. Pertimbangan sebut harga secara edaran adalah tidak dibenarkan.
- 170.3(c) Satu rekod yang lengkap mengenai pertimbangan dan keputusan sebut harga hendaklah disimpan oleh Urus Setia untuk tujuan audit.